

29 OCT 1997

Parlimen-Bahas

TEKNOLOGI: JANGAN TERPERANGKAP AGENDA BARAT

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Malaysia tidak harus terperangkap dengan agenda Barat yang mahu menjual produk mereka dengan membuat dakwaan kononnya teknologi yang digunakan di negara ini dan kualiti barangan tertentu keluaran negara ini tidak sesuai untuk sesuatu projek tertentu, seorang penyokong kerajaan berkata di Dewan Rakyat hari ini.

Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis (BN-Rompin) berkata, dakwaan seumpama itu yang dibuat oleh perunding luar negeri telah mengakibatkan banyak barangan tempatan tidak dapat digunakan dalam projek-projek pembangunan tempatan sebaliknya terpaksa diimport.

"Jangan kita terperangkap dengan agenda Barat, mereka mahu menjual produk mereka. Jangan kita terpengaruh atas alasan kononnya barangan yang kita buat teknologinya sudah ketinggalan dan tidak ada kualiti, kononnya kita harus menggunakan barangan yang diimport," katanya ketika membahaskan Belanjawan 1998.

Dr Jamaluddin berkata, Barat menimbulkan perkara itu kerana mereka tidak mampu bersaing dengan Malaysia daripada segi harga kerana kos pengeluaran mereka adalah sangat tinggi dan oleh itu menggunakan asas persaingan yang lain.

Mereka mendakwa antara lain teknologi yang digunakan di negara ini adalah kuno dan tidak boleh dipakai sedangkan teknologi yang sama masih digunakan di Eropah, katanya lagi.

Dr Jamaluddin mahu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Kementerian Kewangan meneliti perkara itu khususnya dalam usaha untuk memperbetulkan imbalan bayaran negara.

Beliau turut menarik perhatian dewan mengenai kejatuhan beberapa pasaran saham di dunia kelmarin yang membuktikan kebenaran kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kegiatan spekulasi mata wang yang membawa kesan buruk kepada pasaran saham dunia.

Encik Badrul Hisham Abdul Aziz (BN-Hulu Langat) pula meminta kerajaan supaya memberi taklimat kepada wakil-wakil rakyat atau pegawai daerah di kawasan terbabit sebelum kelulusan sesuatu projek pembangunan secara penswastaan yang akan dijalankan di kawasan itu diumumkan kepada media massa.

Katanya, apa yang berlaku sekarang ialah apabila projek berkenaan diumumkan, penduduk terbabit terus merujuk kepada wakil-wakil rakyat untuk mendapatkan penjelasan mengenainya sedangkan wakil-wakil rakyat sendiri juga mengetahui perkara itu melalui media massa.

Beliau juga merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya tidak memindahkan kawasan tanah perkuburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke Semenyih kerana kawasan itu sudah mempunyai kawasan tanah perkuburan yang agak luas dan penduduk di situ ingin melihat kawasan mereka turut mendapat projek-projek pembangunan.

Donald Lim (BN-Petaling Jaya Selatan), pula mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula kenaikan bayaran pasport antarabangsa, pasport terhad dan lesen memandu kerana ia membebankan rakyat.

Katanya kenaikan bayaran pasport kepada RM300 dan RM600 daripada RM145 dan RM265 dan pasport terhad daripada RM50 kepada RM150, adalah terlalu tinggi sungguhpun niat kerajaan adalah baik dalam usaha mengawal aliran keluar wang melalui perjalanan ke luar negara.

Katanya bagi orang berada kenaikan itu tidak dirasai sangat tetapi bagi golongan rendah ia amat membebankan. Mereka yang bukan daripada golongan

berada memerlukan pasport untuk keluar negeri kerana sebab-sebab tertentu.

"Jika kerajaan tidak dapat mengkaji sekarang, ia hendaklah dibuat apabila keadaan ekonomi negara pulih semula," katanya.

Lim menyambut baik arahan kerajaan supaya hospital-hospital swasta menyediakan was khas kepada golongan pendapatan rendah.

Bagaimanapun, beliau mahu kerajaan mengawasinya supaya wad-wad khas itu benar-benar disediakan dan bukan secara ala-kadar atau "melepas batuk di tangga" sahaja.

Rawatan yang diberikan oleh hospital swasta kepada golongan pendapatan rendah itu juga perlulah diberi seperti yang diberikan kepada golongan berada, katanya.

Yunos Rahmat (BN-Jelebu) pula mahu kerajaan memastikan agihan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) benar-benar diperolehi faedahnya oleh golongan sasaran.

Mengenai rumah kos rendah pula, beliau berkata agihan juga hendaklah menyeluruh kepada mereka yang layak.

"Ada sesetengah pegawai kerajaan mempunyai sehingga empat buah rumah kos rendah," katanya.

Semasa menyentuh projek Rakan Muda pula, Yunos berkata projek itu adalah baik tujuannya dalam usaha melahirkan belia yang berwawasan dan berdisiplin tetapi malangnya kebanyakan program dianjurkan pada satu-satu kawasan tidak diberitahu kepada persatuan-persatuan belia tempatan.

Ini menimbulkan kekeliruan serta kurang mendapat sambutan belia setempat, katanya.

Sementara itu M. Kulasegaran (DAP-Teluk Intan) dalam ucapan sulungnya sejak dipilih dalam pilihan raya kecil pada Julai lepas berharap kerajaan dapat memberi pertolongan yang lebih istimewa daripada segi ekonomi, pelajaran dan lain-lain kepada masyarakat India.

Kulasegaran turut mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya diraja atau satu badan bebas untuk menyiasat dan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh kaum India agar tindakan dapat diambil bagi mengatasinya.

Beliau turut meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna mewajibkan pengeluar barangan keluaran Malaysia supaya melekatkan label-label "Barang Buatan Malaysia" pada barangan itu.

Ini bagi memastikan para pengguna tidak tertipu dengan barangan yang bukan keluaran negara ini sementara media massa pula harus mendidik masyarakat supaya mengutamakan barangan buatan Malaysia, katanya.

Abdul Rahman Sulaiman (BN-Parit Buntar) meminta kerajaan mengkaji semula semua terma dan syarat yang terkandung dalam perjanjian konsesi untuk projek penswastan agar pelaksanaannya tidak menyusahkan rakyat.

Beliau berkata kerajaan hendaklah memastikan pelaksanaan projek penswastan pada masa akan datang kembali pada matlamat asal untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik dan tidak membebankan rakyat.

Abdul Rahman juga menarik perhatian dewan terhadap kenaikan harga barangan terutama barangan keperluan secara mendadak sejak akhir-akhir ini.

Beliau berkata para peniaga kini menggunakan kesempatan menaikkan harga barangan keperluan seperti ikan, sayur-sayuran dan minyak masak tanpa sebarang sebab yang munasabah.

Beliau mahukan agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang tidak bertanggungjawab itu.

Persidangan akan disambung Isnin ini. -- BERNAMA

AKT NMO